

e-Buletin

EDISI OKTOBER 2024

JSKM

Ts. Dr. Rozita Kadar
Pendidik Berwawasan,
Pemimpin Inspirasi.

KELUARAN KE-12

eISSN 2637-0077



9 772637 007004



ISI KANDUNGAN e-BULETIN

Sidang Redaksi:

Ketua Editor

Dr. Siti Nurleena Abu Mansor

Editor

Ts. Jamal Othman

Pn. Siti Mariam Saad

En. Ahmad Rashidi Azudin

Terbitan:



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Pulau Pinang

Unit Penerbitan e-Buletin

Jabatan Sains Komputer dan Matematik

UiTM Cawangan Pulau Pinang

13500 Permatang Pauh

Pulau Pinang

Kata Pengantar Ketua Editor 02

Kata Pengantar Koordinator 03

Pendidik Berwawasan,
Pemimpin Inspirasi 04

Laporan Aktiviti 05

Perkongsian 31

Puisi 59

Uji Minda 64

PERKONGSIAN



Mudah & Pantas: Kuiz Interaktif dengan ChatGPT dan Quizizz

Oleh: Siti Asmah Mohamed

“ Dalam era digital yang serba pantas ini, kita sering kali berdepan dengan tuntutan untuk menghasilkan bahan pembelajaran yang interaktif dan menyeronokkan, lebih-lebih lagi apabila kita ingin menarik perhatian pelajar. Salah satu alat yang popular dalam dunia pendidikan masa kini ialah Quizizz, sebuah platform yang membolehkan pendidik mencipta kuiz secara atas talian dengan mudah, cepat dan menyeronokkan. Tetapi, bagaimana jika anda boleh meningkatkan kecekapan tersebut dengan bantuan ChatGPT? Dalam artikel ini, saya akan kongsi bagaimana anda boleh membina soalan kuiz dengan pantas menggunakan gabungan dua alat ini. ”

1

Gunakan ChatGPT untuk Menghasilkan Soalan Kuiz

Langkah pertama adalah dengan menggunakan ChatGPT untuk menghasilkan soalan kuiz. ChatGPT ialah alat AI yang boleh membantu anda merangka soalan dengan pantas dan mudah. Anda hanya perlu memberikan arahan yang jelas dan spesifik kepada ChatGPT, dan ia akan menghasilkan soalan serta pilihan jawapan dalam masa yang singkat. Contoh Arahan kepada ChatGPT:

Prompt 1: Multiple Integral? Create 10 objective questions with 4 multiple-choice answers (a, b, c, d). Each answer and explanation for each answer should be in separate columns. Provide the correct answer in a new column. Format it as a table.

Question	A	B	C	D	Answer & Explanation
1. What is the purpose of multiple integrals?	To find areas	To find volumes and mass	To calculate distances	To solve equations	B: Multiple integrals are used to find volumes, mass, and other quantities involving more than one variable.
2. What is a double integral used to calculate?	Curvature	Length of curves	Volume under a surface	Surface area	C: A double integral calculates the volume under a surface over a specific region.
3. In Cartesian coordinates, what is the volume element in triple integrals?	$dx \cdot dy$	$dx \cdot dy \cdot dz$	$dV = dx \cdot dy \cdot dz$	$dA = dx \cdot dy$	C: The volume element in Cartesian coordinates for triple integrals is $dx \cdot dy \cdot dz$.

Dengan bantuan ChatGPT, anda tidak perlu risau memikirkan soalan dari awal. Anda boleh terus menggunakan atau menyunting soalan yang dihasilkan mengikut keperluan.

2

Muat Turun Template Excel Quizizz

Selepas mendapatkan soalan dari ChatGPT, langkah seterusnya adalah memasukkannya ke dalam format yang sesuai untuk Quizizz. Quizizz menyediakan template Excel yang membolehkan anda memasukkan soalan dengan cepat dan memuat naiknya ke dalam platform.

Cara Memuat turun template Excel:

1. Buka laman web Quizizz dan log masuk.
2. Klik "Create" dan pilih "Import from Spreadsheet".
3. Muat turun template Excel yang disediakan.

Template ini akan mempunyai ruang untuk anda memasukkan soalan, pilihan jawapan, dan jawapan yang betul.

3

Masukkan Soalan dalam Template Excel

Sekarang, masukkan soalan yang dihasilkan oleh ChatGPT ke dalam template Excel. Pastikan setiap soalan diisi dalam ruangan yang betul:

- Ruangan "Question Text": Masukkan soalan.
- Ruangan "Question Type": Masukkan jenis jawapan soalan.
- Ruangan "Option 1, 2, 3, 4": Masukkan pilihan jawapan A,B,C dan D.
- Ruangan "Answer": Nyatakan jawapan yang betul (contohnya: A tukar ke 1, jawapan B tukar ke-2, jawapan C tukar ke-3, jawapan D tukar ke -4).
- Ruangan "Answer explanation": Nyatakan penerangan bagi jawapan yang betul.
- Ruangan "Time in seconds": Masukkan tempoh masa untuk menjawab.

Contoh pengisian dalam template:

1	Question Text	Question Type	Option 1	Option 2	Option 3	Option 4	Correct Answer	Time in seconds	Image Link	Answer explanation
2	What is the purpose of multiple integrals?	Multiple Choice	to find areas	To find volumes and n	To calculate distance	To solve equations	2	10		B: Multiple integrals are used to find volumes, mass, and other quantities involving more than one variable.
3	What is a double integral used to calculate?	Multiple Choice	Curvature	Length of curves	Volume under a surf	Surface area	3	10		A double integral calculates the volume under a surface over a specific region.
4	In Cartesian coordinates, what is the volume element in triple integrals?	Multiple Choice	$dx \cdot dy$	$dx \cdot dy \cdot dz$	$dV = dx \cdot dy \cdot dz$	$dA = dx \cdot dy$	3	10		The volume element in Cartesian coordinates for triple integrals is $dx \cdot dy \cdot dz$.

4

Muat Naik Template Excel ke Quizizz

Selepas memasukkan semua soalan, simpan fail Excel anda dan kembali ke laman web Quizizz untuk memuat naik fail tersebut. Berikut adalah cara untuk memuat naik template:

1. Di Quizizz, klik "Import from Spreadsheet".
2. Muat naik fail Excel yang telah anda isikan tadi.
3. Quizizz akan memproses soalan-soalan tersebut dan memaparkannya sebagai kuiz.

Contoh paparan kuiz yang dimuat naik:

1. Multiple Choice 10 seconds 1 point

What is the purpose of multiple integrals?

Answer choices

- find areas
- To find volumes and mass
- To calculate distances
- To solve equations

Answer explanation

B: Multiple integrals are used to find volumes, mass, and other quantities involving more than one variable.

2. Multiple Choice 10 seconds 1 point

What is a double integral used to calculate?

Answer choices

- Curvature
- Volume under a surface
- Length of curves
- Surface area

Answer explanation

A double integral calculates the volume under a surface over a specific region.

3. Multiple Choice 10 seconds 1 point

In Cartesian coordinates, what is the volume element in triple integrals?

Answer choices

- $dx \cdot dy$
- $dV = dx \cdot dy \cdot dz$
- $dx \cdot dy \cdot dz$
- $dA = dx \cdot dy$

5

Uji dan Terbitkan Kuiz Anda

Sebelum menerbitkan kuiz, anda boleh menguji dahulu untuk memastikan semua soalan dan jawapan telah disusun dengan betul. Selepas berpuas hati dengan hasilnya, anda boleh memilih untuk:

- "Host Quiz" secara langsung semasa kelas, atau
- "Assign Homework" untuk memberikan pelajar tugas kuiz yang boleh diselesaikan pada bila-bila masa.

Dengan menggunakan Quizizz, anda juga boleh mengatur tempoh masa bagi setiap soalan, menambah grafik, atau bahkan menjadikan kuiz lebih menarik dengan elemen permainan seperti power-ups.

Gabungan ChatGPT dan Quizizz bukan sahaja menjimatkan masa anda, tetapi juga memastikan soalan kuiz lebih teratur, menarik, dan sesuai dengan tahap pelajar anda. Jangan lepaskan peluang untuk mencuba kaedah ini dalam pengajaran anda. Selamat mencuba, dan jadikan sesi kuiz anda lebih interaktif dan menyeronokkan!



الْمَدِينَةُ الْمَعْلَمَةُ
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Pulau Pinang

Unit Penerbitan e-Buletin
Jabatan Sains Komputer dan Matematik
UiTM Cawangan Pulau Pinang
13500 Permatang Pauh
Pulau Pinang

eISSN 2637-0077



9 7726 3700 7004